

11 JUL 1998

Komanwel-Muhyiddin

KOMPLEKS SUKAN NEGARA PENTING UNTUK GENERASI ABAD KE 21

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin kompleks sukan negara yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini akan memainkan peranan penting kepada generasi abad ke 21.

"Sesungguhnya kompleks sukan negara ini signifikan bukan sahaja sebagai tuan rumah Sukan Komanwel tetapi juga sebagai lambang komitmen kerajaan kepada keperluan kemudahan dan infrastruktur sukan yang terkini," katanya ketika berucap pada upacara perasmian kompleks yang bernilai RM800 juta itu di Bukit Jalil.

Beliau juga merakamkan terima kasih kepada semua kementerian dan agensi yang bertanggungjawab kepada infrastruktur Sukan Komanwel kerana kompleks itu dapat disiapkan tiga bulan lebih awal daripada temasya sukan itu yang akan berlangsung dari 11 hingga 21 Sept.

"Walaupun kita menghadapi masalah ekonomi, berkat kerjasama semua pihak, kompleks ini dapat disiapkan dengan sempurna mengikut spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

Muhyiddin berkata ciri-ciri kompleks itu melambangkan pencapaian tertinggi rakyat Malaysia dalam kemajuan ekonomi, keharmonian masyarakat serta menjurus kepada identiti kecemerlangan sukan negara.

Kompleks sukan itu yang mempunyai empat stadium, taman dan kemudahan sukan rekreasi akan menjadi kompleks sukan dalam taman yang terunggul di negara mahupun di rantau ini apabila matang sepenuhnya.

Kesemua stadium itu mempunyai kemudahan canggih dan mengikut standard antarabangsa. Stadium tertutup juga boleh digunakan untuk acara bukan sukan agar ia diuruskan dengan lebih ekonomik.

Muhyiddin berkata stadium tertutup dalam kompleks itu yang akan menjadi tempat pertandingan gimnastik, direkabentuk sebagai sebuah pusat sukan dan hiburan supaya pertunjukan dan sebagainya dapat diadakan.

Kompleks renang mempunyai komponen khusus untuk acara akuatik seperti renang, terjun, renang berirama dan polo air.

Pusat skuasy pula menggunakan gelanggang yang boleh diubahsuai mengikut keperluan acara perseorangan dan beregu.

Stadium utama yang dinamakan Stadium Nasional boleh memuatkan 100,000 orang.

-- BERNAMA

TCL MAI